



**PEJABAT PELAJARAN DAERAH JASIN,
77000 JASIN, MELAKA**

Pejabat Am : 06-5292878 / 06-5292664 / 06-5296901
Faksimili : 06-5291037 (PENTADBIRAN)
: 06-5293932 (KEWANGAN)
E-mail : ppdjasin@ppdjasin.edu.my
Laman Web : http://www.ppdjasin.edu.my



Ruj. Kami : PPDJ/UPK-PELBAGAI/02/09 ()
Tarikh : 22 Februari 2010

**PENGETUA / GURU BESAR
SEKOLAH MENENGAH / RENDAH
DAERAH JASIN**

Tuan,

**PROGRAM PEMILIHAN AKTIVITI KOAKADEMIK NYANYIAN SOLO SEKOLAH MENENGAH
DAN RENDAH DAERAH JASIN 2010**

Dengan segala hormatnya perkara diatas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Pejabat Pelajaran Daerah Jasin akan mengadakan Program Saringan dan Pemilihan bagi Aktiviti Koadademiik Nyanyian Solo Peringkat Daerah Jasin 2010. Butiran program adalah seperti berikut:

Tarikh : 25 Februari 2010.
Masa : 8.00 pagi.
Tempat : Dewan SK Air Baruk Jasin.

3. Sehubungan itu, bagi sekolah menengah dan rendah yang telah memilih aktiviti ini agar dapat menghantar wakil ke saringan dan pemilihan tersebut mengikut tarikh dan masa yang telah ditetapkan. Memandangkan tiada peruntukan kokurikulum di PPDJasin pada tahun ini adalah dicadangkan pihak sekolah menanggung segala keperluan makan, minum dan pengangkutan pelajar dengan kadar RM10.00 bagi setiap seorang peserta. Pihak sekolah bolehlah menggunakan dari PCG Kokurikulum yang sedia ada bagi menampung perbelanjaan tersebut. Pembayaran boleh dibuat secara tunai semasa pendaftaran dan menggunakan cek atas nama Tabung Badan Kebajikan PPD Jasin. Bersama-sama ini disertakan syarat pemilihan untuk rujukan dan tindakan tuan.

Kerjasama dan keprihatian dari pihak tuan amat kami alu-alukan dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan tugas,

(YUSOF BIN AHMAD)
Pegawai Pelajaran Daerah Jasin

s.k.

1. Pengarah Pelajaran Melaka.
2. Ketua Unit Kokurikulum JPM.

SYARAT AM SARINGAN DAN PEMILIHAN

1. Setiap sekolah disyaratkan menghantar tidak lebih 2 orang peserta sahaja.
2. CD atau mines one bawa sendiri.
3. Pakaian mengikut kesesuaian.
4. Pemilihan lagu adalah mengikut syarat yang telah ditetapkan oleh kementerian.
atau mengikut peraturan tahun 2009.
5. Mesti ada guru pengiring.
6. Sijil penyertaan, pencapaian dan penghargaan disediakan oleh PPD Jasin.
7. Kriteria pemilihan:
 1. Pitching
 2. Tempoh
 3. Gaya
 4. Melodi
8. Setiap peserta tidak diwajibkan menghabiskan lagu.
9. Hakim akan dilantik bagi mengadili saringan dan pemilihan.
Pemilihan hakim-hakim adalah muktamad yang dibuat oleh PPD Jasin.
10. Segala keputusan hakim adalah muktamad.